

Sikap Kanak-Kanak Prasekolah Terhadap Murid Berkeperluan Khas: Persepsi Guru

Allanty Nyabai^{1*}, Kamariah Abu Bakar^{1*}

¹ Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia

*Pengarang Koresponden: p116600@siswa.ukm.edu.my, kamariah_abubakar@ukm.edu.my

Received: 25 January 2024 | Accepted: 10 March 2024 | Published: 31 March 2024

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2024.6.1.38>

Abstrak: Kajian ini dijalankan untuk melihat sikap murid prasekolah terhadap murid berkeperluan khas di dalam dan luar kelas sekolah berdasarkan persepsi guru. Memahami sikap murid prasekolah terhadap murid berkeperluan khas ini akan membantu guru untuk memahami dan meneroka sikap murid prasekolah dan sikap murid berkeperluan khas apabila bersama dalam sebuah kelas. Sampel kajian melibatkan responden sebanyak $n=60$ orang guru yang mengajar di kelas yang melibatkan kelas Pendidikan Khas Intergrasi di Bahagian Sibu dan Bahagian Mukah, Sarawak dengan menggunakan kaedah tinjauan soal selidik menggunakan aplikasi google form. Data dianalisis menggunakan SPSS versi 29.0 dan dalam bentuk statistik deskriptif dan inferensi min, kekerapan dan sisihan piawai. Hasil kajian mendapati min terhadap penerimaan sikap murid prasekolah pada tahap tinggi iaitu sikap kekerapan keseluruhan ($\text{min}=2.65$, $\text{sp}=0.50$). Secara keseluruhan, dapatan kajian ini telah menyokong bahawa murid prasekolahan menunjukkan sikap yang positif apabila bersama dengan MBK dalam kelas.

Kata Kunci: Prasekolah, Murid Berkeperluan Khas, Sikap, Penerimaan

Abstract: This study was conducted to uncover pre-schoolers' attitudes toward students with special needs both inside and outside the school classroom through teachers' perceptions. Understanding pre-schoolers' attitudes toward students with special needs will help teachers understand and explore the attitudes of pre-schoolers and special needs students in shared classrooms. The research sample included up to $n=60$ teacher respondents teaching in a class consisting of integrated special education classes in Sibu and Mukah districts, Sarawak, using a survey method using Google Forms application. Data were analyzed in the form of descriptive statistics, inferred means, frequencies, and standard deviations using SPSS version 29.0. The results of the study revealed that the mean acceptance attitude of preschool children was at a high level, which corresponded to the overall frequency of the attitude ($\text{mean} = 2.65$, $\text{sp} = 0.50$). Overall, the results of this study indicate that preschool children exhibit positive attitudes when they are with MBK in class.

Keywords: Pre-School, Students with Special Needs, Attitudes, Acceptance

1. Pengenalan

Pendidikan merupakan satu elemen penting dalam kehidupan manusia. Pendidikan merupakan satu proses yang akan terus dilakukan oleh manusia sepanjang hayat. Melalui pendidikan ini

(Sulaiman Nordin, 2001), menjelaskan bahawa pendidikan sebagai membentuk tabiat dan sikap seseorang manusia dalam pelbagai aspek kehidupan dari segi jasmani, Rohani, akal dan akhlak. Pendidikan di Malaysia melalui Falsafah Pendidikan Kebangsaan amat menitikberatkan perkembangan modal insan iaitu generasi baharu yang bakal menerajui masa depan negara supaya mendapat pendidikan secara menyeluruh yang melibatkan domain perkembangan jasmani, emosi, Rohani, intelek dan sosial mereka. Oleh itu, perbentukan watak setiap kanak-kanak dipengaruhi oleh tahap perkembangan yang telah mereka kuasai melalui didikan formal atau didikan secara tidak formal di rumah, atau di sekolah.

Kebanyakan kanak-kanak lebih mudah mempelajari sesuatu perkara berdasarkan pengalaman mereka berdasarkan perkara yang dilakukan oleh mereka setiap hari. Kanak-kanak ini akan didorong untuk membina kemahiran komunikasi, berinteraksi, menjaga diri, literasi asas, seni dan kecerdasan emosi melalui pelbagai aktiviti yang dijalankan di sekolah (Sufean Husin, 2014). Oleh kerana ingin memastikan kanak-kanak tipikal dapat menyesuaikan diri dengan kanak-kanak berkeperluan khas, pihak Kerajaan telah mewujudkan Program Prasekolah Pendidikan Khas Intergrasi yang melibatkan kanak-kanak prasekolah berkeperluan khas di sekolah. Hal ini, dapat memberi ruang kepada kanak-kanak untuk berinteraksi bersama-sama dengan di kelas atau dalam mana-mana program yang melibatkan kelas prasekolah tipikal dengan Prasekolah Pendidikan Khas Intergrasi.

Kanak-kanak prasekolah berkeperluan khas merupakan kanak-kanak yang berbeza daripada kanak-kanak tipikal atau normal dari segi mental, sosial atau emosi, kebolehan deria, tingkah laku fizikal dan pelbagai lagi kekurangan yang memerlukan amalan sekolah diubahsuai atau memerlukan kemudahan dan perkhidmatan Pendidikan Khas bagi meningkatkan keupayaan mereka secara optimum (Mohd Najib Ghafar, 2006). Dalam konteks ini, jelas menunjukkan bahawa kanak-kanak berkeperluan khas diberi peluang sama dengan murid normal untuk mendapat pendidikan bermula dari prasekolah, sekolah rendah, sekolah menengah dan selepas sekolah menengah. Oleh itu, sekolah menjadi rumah yang kedua untuk kanak-kanak prasekolah tipikal dan berkeperluan khas untuk mendapat pendidikan yang seimbang dan positif selain dari rumah mereka.

Terdapat beberapa kajian dijalankan di Malaysia menyatakan bahawa, kanak-kanak berkeperluan khas ini bukan sahaja dapat dilihat secara fizikal, namun dalam pendidikan awal kanak-kanak akan lebih cenderung untuk menunjukkan ciri-ciri kecil masalah pembelajaran sahaja iaitu tahap perkembangan domain kanak-kanak tersebut tidak mengikut umur mereka. Antara isu yang sering dihadapi oleh kanak-kanak prasekolah adalah keupayaan kanak-kanak untuk bertutur secara lisan tidak selari dengan umur mereka. Oleh itu, guru perlu sedar bahawa tidak semua kanak-kanak yang lahir dalam keadaan normal kerana setiap mereka adalah unik dan berbeza dari segi kemampuan untuk berfikir, persepsi dan kemahiran pemprosesan maklumat. Hal ini menyukarkan kanak-kanak tipikal untuk berinteraksi dengan kanak-kanak berkeperluan khas ini jika mereka tidak didedahkan dari awal bermasa dengan kanak-kanak berkeperluan khas.

Selain itu, guru prasekolah sering berhadapan dengan kanak-kanak prasekolah yang menunjukkan ciri-ciri MBK iaitu sikap, tingkahlaku, ciri-ciri dan emosi mereka terhadap guru dan rakan-rakan sebaya yang lain. Hal ini, menjejaskan keyakinan diri kanak-kanak berkeperluan khas ini untuk bersama dengan murid tipikal. Tambahan pula, pemikiran guru dan ibu bapa yang tidak jelas mengenai MBK beranggapan mereka mempunyai tahap pemikiran rendah dan tidak mempunyai daya saing berbanding kanak-kanak normal (Norhayati, 2007). Hal ini memberikan persepsi yang buruk mengenai MBK dan secara tidak

langsung akan mempengaruhi sikap kanak-kanak prasekolah yang tipikal terhadap rakan sebaya mereka yang berkeperluan khas.

Tambahan pula, kanak-kanak berkeperluan khas yang mempunyai masalah berkomunikasi dengan rakan sebaya yang menyebabkan mereka dipulaukan atau diejek oleh rakan sebaya yang lain (Catherine et al, 2011). Murid yang mempunyai ciri-ciri tersebut akan mempengaruhi tahap perkembangan kanak-kanak tersebut terutamanya dalam perkembangan sosialisasi bersama dengan rakan sebaya yang lain. Selain itu, berdasarkan kajian Safie, 2003, menyatakan bahawa kanak-kanak prasekolah atau 15% kanak-kanak prasekolah mengalami masalah mempunyai simptom disleksia ini. Berdasarkan dapatan ini, dapat menilai sikap dan layanan murid tipikal terhadap murid disleksia samaada bersikap positif atau negatif. Oleh itu, kita dapat lihat bahawa sejauhmanakah pengetahuan sedia ada mempengaruhi persepsi guru dan ibu bapa mengenai sikap dan penerimaan mereka terhadap MBK bersama dengan kanak-kanak tipikal di kelas dan luar kelas

Kesimpulannya, menurut Siti dan Aiza (2012), pemahaman mengenai MBK amat penting supaya kanak-kanak berkeperluan khas tidak terus dipulaukan atau dinilai sebagai orang yang menyusahkan oleh kanak-kanak tipikal. Selain kepada murid ianya juga turut diharapkan dapat memberikan kesedaran kepada guru dan ibu bapa supaya tidak sewenangnyanya menilai MBK sebagai murid yang lemah, lembab, dan sebagainya. Berdasarkan pada isu yang telah dibincangkan, menunjukkan adanya keperluan untuk mengkaji sikap kanak-kanak prasekolah tipikal terhadap rakan sebaya yang berkeperluan khas di sekolah berdasarkan persepsi guru sesuai dengan objektif kajian yang ingin dijalankan. Menerusi hasil kajian ini nanti adalah diharapkan supaya ia dapat membantu pihak guru dapat memberi kesedaran dan pengetahuan kepada kanak-kanak prasekolah tipikal agar mempunyai sikap yang positif terhadap rakan sebaya yang berkeperluan khas.

2. Tinjauan Literature

Kajian terhadap penerimaan MBK di dalam sistem persekolahan telah banyak dikaji terutamanya begai melihat interaksi sosial golongan ini dengan murid-murid tipikal yang lain. Menurut Larriee & Horne (1991) kurangnya penerimaan murid tipikal terhadap MBK bukan disebabkan masalah fizikal semata-mata tetapi juga disebabkan pencapaian rendah dalam pelajaran. Hal ini berlaku disebabkan persepsi kita secara umum berpendapat bahawa MBK ini kurang menonjol dalam bidang akademik dan mempunyai tahap IQ yang rendah. Dapatan ini turut dibuktikan dalam kajian yang dijalankan oleh Westwood (1987) dan ini menunjukkan bahawa jika MBK mempunyai tahap pencapaian yang baik dalam pelajaran mereka juga akan dihormati dan diterima dengan baik. Beliau juga mendapati kanak-kanak yang mempunyai kecacatan ringan dan kurang ketara lebih mudah teterima oleh murid tipikal berbanding dengan mereka yang mempunyai kecacatan yang teruk.

Tahap penerimaan murid tipikal terhadap rakan sebaya MBK boleh dilihat dari aspek sikap mereka ingin bersosial semasa waktu persekolahan. Biner & Thrope (1986) (dalam Zaharah Abu Bakar, 1997), faktor utama kunci kejayaan intergrasi sosial di dalam program kelas inklusif ialah hubungan rakan sebaya antara murid tipikal bersama MBK. Proses bersosialisasi ini dalah bergantung kepada sikap dan kesungguhan murid tipikal bagi menerima MBK di dalam persekitaran sekolah terutamanya dalam kelas. Perhubungan antara rakan sebaya adalah penting di mana sikap murid tipikal terhadap MBK serta penerimaan mereka ke dalam akitiviti kumpulan sebaya akan menentukan keberkesanan proses sosialisi mereka. Menurut Wood (1993), kurangnya pengetahuan dan kefahaman telah menyebabkan MBK terus disisihkan

kerana wujudnya rasa takut, tanggapan yang salah, permusuhan, prasangka dan cemuhan terhadap mereka. Ekoran daripada tanggapan yang salah dan MBK terus disisihkan, golongan ini akan terus menyimpan perasaan rendah diri yang sedia ada dalam diri MBK ini akan terus kekal dan tidak membantu mereka untuk menyesuaikan diri dalam masyarakat umum.

Selain itu, ciri kepelbagaian dalam kalangan MBK juga adalah salah satu ciri yang diharapkan dan perlu dihargai dalam kalangan manusia (Raynes, Snell, & Sailor, 1991). Sebagai satu rumpun manusia kita seharusnya dapat menerima perbezaan setiap individu terutamanya dalam kalangan MBK. bagi merealisasikan impian tersebut, kita perlu berusaha untuk menerima dan menghargai MBK yang berbeza daripada kebiasaan seperti murid tipikal (Van Dyke, Stalling, & Colley, 1995). Mewujudkan kepercayaan asas dalam kalangan setiap murid bahawa setiap murid-murid mempunyai hak yang sama dapat memberikan manfaat kepada mereka semua (Wilson, 1993).

Tambahan pula, dalam menyokong nilai kesamaan dalam kalangan setiap murid bagi membangunkan konsep sendiri sangat penting dalam diri murid-murid melalui interaksi sosial, dan persahabatan dalam kalangan murid-murid (Lipton, 1994; Yatvin, 1995). Dalam satu tinjauan yang dijalankan, Guralnick, 1994, ibu bapa melaporkan bahawa setiap orang perlu menggalakkan penerimaan MBK dalam masyarakat, menyediakan MBK untuk dunia sebenar, dan memberi peluang kepada MBK terlibat dalam pelbagai aktiviti yang dijalankan di sekolah. Namun, terdapat aduan daripada ibu bapa yang melaporkan pihak sekolah kurang memberi perhatian kepada anak mereka menyebabkan mereka memlih untuk memutuskan untuk menempatkan anak mereka yang MBK di kelas Pendidikan Khas (Associated Press, 1996). Hal ini menunjukkan bahawa masih terdapat segelintir masyarakat yang beranggapan bahawa sekolah bersikap sambil lewa dengan keperluan MBK untuk mendapat hak kesamaan dalam mendapat pendidikan (Cross & Reizug, 1995-1996).

Selain itu, menurut Piaget (1969) dalam (Sudin Mahusin, 2002) dengan memberikan pendedahan persekitaran berbeza, faedah yang dinikmati oleh murid tipikal ialah mereka dapat menerima hakikat mengenai perbezaan individu melalui pemerhatian. Dalam kajian tersebut mereka mendapati bahawa jika terdapat seorang murid menunjukkan sikap yang positif terhadap MBK, mereka akan dapat menerma MBK dengan baik. Malahan, tingkah laku tersebut dapat menjadikan seseorang yang melaksanakan dan bimbingangkah laku tersebut akan menjadi seorang yang penyayang. Berdasarkan Piaget, murid yang cacat merupakan murid yang cedera bagi pelajar biasa. Oleh itu, dengan adanya sokongan daripada seorang murid yang normal akan menjadilkan mereka seorang yang penyayang jika terdapat MBK dalam kelas mereka.

Persepsi ibu bapa sangat penting terhadap penerimaan sikap murid tipikal terhadap MBK. Berdasarkan persepsi ibu bapa ini mereka berpendapat bahawa MBK perlu bersama dengan murid tipikal di dalam kelas walaupun perbezaan tahap kecerdasan. Berdasarkan Tinjauan *National Survey On Inclusive Education*, melaporkan bahawa galakkan daripada ibu bapa terhadap penglibatan mereka dalam pendidikan MBK memberikan banyak faedah kepada pihak pengurusan sekolah dalam menjalankan aktiviti yang diinginkan sesuai dengan program kelas inklusif. Menurut Lipsky, 1994, keluarga boleh menawarkan sumber, boleh membantu dengan tingkah laku murid dan boleh berkongsi visi mereka dengan pihak sekolah. Dengan perkongsian kepakaran tersebut ibu bapa dengan guru, dapat berkongsikan manfaat bersama (Buswell, 1990).

Berdasarkan Warta Kerajaan Persekutuan (2013), menjelaskan Pendidikan Khas (PK) merupakan suatu jenis pendidikan khas yang diperkenalkan kepada murid berkeperluan khas yang mengikuti sekolah khas, atau sekolah harian biasa yang mempunyai Program Pendidikan Khas Intergrasi (PPKI) dan Program Pendidikan Inklusif di semua peringkat sekolah bermula daripada pendidikan prasekolah, pendidikan rendah, pendidikan menengah atau pendidikan lepas menengah. Tujuan utama Program Pendidikan Khas ini dilaksanakan dalam sistem pendidikan di Malaysia untuk menyediakan peluang pendidikan yang sama kepada semua kanak-kanak tanpa mengira kekurangan dari segi sosial, fizikal, kognitif dan tingkah laku. Program Pendidikan Khas ini dibahagikan kepada tiga kategori iaitu pendidikan khas kurang Upaya penglihatan, kurang Upaya pendengaran dan masalah pembelajaran.

Yahya (2010), pula menyatakan Murid Berkeperluan Khas (MBK) masalah pembelajaran mendefinisikan MBK masalah pembelajaran sebagai individu yang mengalami masalah dalam neurogi, yang mempengaruhi kemahiran pemahaman, bahasa, pertuturan, serta kemahiran 3M iaitu kemahiran membaca, menulis dan mengira. Manakala, MBK kategori Autisme atau Kecelaruhan Spektrum Autisme (ASD) merupakan kecelaruhan perkembangan Urat Saraf yang melibatkan masalah kemahiran sosial dan komunikasi (Zakaria & Nor Shahirah, 2018). MBK Autisme memerlukan lebih banyak perhatian berbanding murid MBK lain kerana mereka lebih mudah terasa tertekan semasa bersama dengan rakan-rakan yang lain dalam suasana yang bising (Zakaria & Nor Shahirah, 2018).

Terdapat juga kajian lepas yang dijalankan di dalam negara bagi menilai tahap penerimaan dan persepsi pelajar tipikal terhadap MBK. Norhayati @ Putih (1996), mengenai peluang sosialisasi di antara murid cacat pendengaran dengan murid berkeperluan khas biasa. Hasil kajian menunjukkan murid-murid bermasalah pembelajaran mempunyai peluang yang tinggi untuk bersosial dengan murid tipikal berbanding dengan murid-murid yang mempunyai masalah pendengaran. Dalam kajian tersebut, pengkaji menjelaskan bahawa masalah utama yang mempengaruhi kurangnya murid khas bersosialisasi dengan murid biasa adalah disebabkan oleh masalah kemahiran komunikasi antara murid. Murid Berkeperluan Khas masalah pendengaran mengalami kekurangan kemahiran sosialisasi mereka disebabkan kekurangan salah satu alat untuk berkomunikasi dengan orang lain iaitu kemahiran pendengaran.

Zaharah (1997), mengenai intergrasi sosial dalam kalangan murid-murid masalah pembelajaran cacat pendengaran mendapati, mereka kurang bersosial dengan murid tipikal yang lain walaupun berada dalam persekitaran belajar yang sama. Kajian ini juga mendapati berlakunya penarikan diri murid-murid tersebut disamping penerimaan murid-murid tipikal terhadap murid-murid khas. Beliau turut mendapati bahawa aktiviti-aktiviti di dalam sekolah turut menghadkan penglibatan MBK disebabkan kekurangan yang dimiliki mereka hingga tidak memberikan peluang kepada MBK untuk bersosialisasi dengan murid tipikal yang lain. Masalah komunikasi menjadi antara faktor utama yang menyebabkan keadaan sedemikian berlaku di samping kurangnya aktiviti-aktiviti yang melibatkan kedua-dua kategori tersebut.

Selain itu, hasil kajian oleh Zulkarnain (2002) telah mendapati tahap penerimaan murid tipikal terhadap MBK adalah rendah. Walau bagaimanapun, murid tipikal masih menerima keadaan MBK di kelas mereka. Dalam kajian tersebut, mendapati 41.7% yang 'tidak setuju' dan 20% 'sangat tidak setuju' dengan pernyataan 'kamu suka pelajar khas bersekolah di sekolah ini'. Hanya 10% responden 'bersetuju' dan 3.3% yang 'sangat bersetuju'. Berdasarkan dapatan kajian ini, penerimaan murid tipikal terhadap MBK adalah sangat rendah, malahan ianya

memberikan kesan yang negatif kepada konsep sendiri murid dan akan mempengaruhi pencapaian akademik sekolah secara keseluruhannya.

Berdasarkan kajian ini, dapat disimpulkan bahawa pengkaji-pengkaji lepas bukan sahaja mengkaji mengenai tahap penerimaan dan sikap murid terhadap MBK, mereka juga mengkaji persepsi guru, ibu bapa dan masyarakat disekitar mengenai MBK, dan mengenalpasti tahap sosialisasi murid tipikal bila bersama dengan MBK di kelas ataupun diluar kelas.

3. Metodologi Kajian

Reka bentuk kajian yang digunakan ialah kajian yang berbentuk kuantitatif berdasarkan soal selidik ke atas responden, yang memerlukan usaha dari tahap mengenal pasti permasalahan sehingga tahap pengutipan dan menganalisis data (Syed Arabi, 2002). Kaedah tinjauan soal selidik bertujuan untuk meninjau sikap kanak-kanak prasekolah tipikal terhadap rakan sebaya berkeperluan khas berdasarkan persepsi guru. Bersesuaian dengan reka bentuk kajian ini, pengkaji telah melibatkan 60 orang guru prasekolah di sekitar Bahagian Mukah dan Bahagian Sibuan dengan jumlah responden sebanyak $N=70$, $n=60$ berdasarkan jadual Krejcie dan Morgan, 1970. Populasi kajian ini turut melibatkan responden yang terdiri daripada guru prasekolah yang mengajar di Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Jenis Kebangsaan (SJKC) dan Prasekolah Pendidikan Khas Intergrasi (PPKI). Berdasarkan tinjauan ini pengkaji lebih mudah untuk mengumpul data yang bersifat deskriptif bagi menjawab persoalan kajian yang ingin dikaji.

Instrumen Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan instrumen kajian melalui soal selidik dengan menggunakan item soal selidik, yang digunakan oleh beberapa orang penyelidik sebelum ini seperti Weddington & Weddington (2005); Noraini (2009); Chong (2006) dan sedikit ubah suai oleh pengkaji bersesuaian dengan objektif dan skop kajian. Borang soal Selidik dibahagikan kepada tiga (3) bahagian utama iaitu Bahagian A untuk demografi responden, Bahagian B untuk item sikap murid prasekolah bersama dengan murid berkeperluan khas berdasarkan persepsi guru. Item-item dalam soal selidik dalam kajian bahagian B telah diadaptasi dan diubah oleh kajian Wadlington & Wadlington (2005) terdiri daripada 15 soalan. Walaupun tiada peraturan yang menyatakan bilangan item untuk suatu instrumen kajian, soal selidik kertas pensil yang sesuai adalah semaksimum sebanyak 30 soalan (Chua, 2006). Responden akan menjawab 15 soal selidik mengikut skala Likert yang diperingkatkan kepada 3 kategori sahaja iaitu TS- Tidak Setuju, TP-Tidak Pasti, dan S-setuju.

Prosedur Pengumpulan Data dan Analisis data

Pengumpulan data kajian ini telah mendapat kelulusan daripada Jabatan Pendidikan Daerah Mukah, dan maklumat responden hanya digunakan untuk tujuan kajian sahaja dan tidak boleh disebarkan kepada orang lain tanpa kebenaran daripada responden tersebut. Pengumpulan data ini hanya melibatkan 60 orang guru prasekolah di sekitar Bahagian Mukah. Data soal selidik responden dikumpul dengan menggunakan sumber dari *Google Form* yang mengandungi item soal selidik yang diedarkan kepada responden di sekitar Bahagian Mukah. Dapatan data daripada soal selidik tersebut akan dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistic Package for Social Sciences* (SPSS) bagi mengenal pasti nilai skor min, kekerapan dan peratusan data. Analisis tersebut bagi mengenalpasti sikap kanak-kanak prasekolah terhadap murid berkeperluan khas.

4. Dapatan

Kajian ini telah dijalankan dan melibatkan 60 orang responden dipilih daripada guru yang mengajar prasekolah perdana, guru prasekolah PPKI dan guru kelas perdana PPKI yang terdiri daripada 26.7 % (16 orang) responden lelaki dan 73.3 % (44 orang) responden Perempuan. Berdasarkan hasil kajian ini mendapati jumlah responden perempuan lebih banyak berbanding dengan responden lelaki. Jadual menunjukkan analisa demografi responden yang mengandungi umur, kelulusan akademik tertinggi, lokasi sekolah, pengalaman mengajar guru, pengkhususan guru, pengetahuan guru terhadap Pendidikan Khas, jumlah murid prasekolah di tempat guru tersebut mengajar dan jumlah murid Pendidikan Khas di sekolah guru tersebut mengajar.

Jadual 1: Analisa demografi responden

Profil Guru	Perkara	Peratusan (Frekuensi)
Jantina	Lelaki	26.7 % (16 orang)
	Perempuan	73.3 % (44 orang)
Umur	Kurang 25 tahun	13.3 % (8 orang)
	26 hingga 35 tahun	58.3 % (35 orang)
	36 hingga 45 tahun	18.3 % (11 orang)
	Melebihi 46 tahun	10 % (6 orang)
	SPM/SPMV	-
Kelulusan akademik tertinggi	STPM	-
	Diploma	10 % (6 orang)
	Ijazah Sarjana Muda	78.3 % (47 orang)
	Ijazah Sarjana	11.7 % (7 orang)
	Ijazah Kedoktoran	-..Sambungan
Lokasi sekolah	Lain-lain:.....	Sambungan...
	Bandar	61.7 % (37 orang)
Pengalaman mengajar sebagai guru:	Luar Bandar	38.3 % (23 orang)
	Kurang 5 tahun	23.3 % (14 orang)
	Lebih 5 tahun	76.7 % (46 orang)
Pengkhususan guru:	Prasekolah	56.7 % (34 orang)
	Bukan Prasekolah	43.3 % (26 orang)
	1 Hingga 10 orang	21.7 % (13 orang)
Jumlah murid prasekolah di tempat guru mengajar:	11 hingga 20 orang	25 % (15 orang)
	21 hingga 25 orang	22.7 % (22 orang)
	Melebihi 26 orang	16.7 % (10 orang)
Jumlah Murid Berkeperluan Khas Di Sekolah guru mengajar:	1 hingga 5 orang	71.7 % (43 orang)
	6 hingga 10 orang	16.7 % (10 orang)
	10 hingga 15 orang	8.3 % (5 orang)
	Melebihi 15 orang	3.3 % (2 orang)

Persepsi guru mengenai sikap murid prasekolah terhadap MBK

Jadual 2.0 dibawah menunjukkan hasil analisis mengenai tinjauan persepsi guru mengenai sikap murid prasekolah terhadap MBK. Berdasarkan item dalam B5, guru tidak pasti akan murid prasekolah pernah berkawan dengan murid MBK diluar kelas yang menunjukkan kekerapan responden iaitu sebanyak 49(81.7%). Walaubagaimanapun, perkara ini tidak mempengaruhi sikap murid prasekolah terhadap MBK ini kerana berdasarkan item B1, B10, B13 dan B14 menunjukkan murid prasekolah “mahu berkawan”, “mahu menolong”, “seronok bersama” dan “murid prasekolah memberi pengaruh positif” dengan kekerapan 60 (100%) guru bersetuju bahawa murid prasekolah dapat menerima MBK dalam sosialisasi mereka.

Jadual 2.0 menjelaskan bahawa murid prasekolah tidak memilih rakan-rakan untuk bermain dan mengejek MBK berdasarkan item B2, B3, dan B4 iaitu “murid mahu bermain” kekerapan sebanyak 59(98.3%), “murid mahu bercakap dengan MBK” kekerapan sebanyak 59(98.3%),

dan “murid tidak pernah memanggil MBK sebagai orang *bodoh*, *lembab* dan *jelik*” kekerapan sebanyak 59(98.3%). Dapatan ini juga menunjukkan bahawa murid prasekolah mahu berkongsi dengan MBK seperti yang ditunjukkan dalam item B7 dan B9 iaitu “murid prasekolah mahu berkongsi alat tulis dengan MBK” kekerapan sebanyak 59(98.3%) dan “murid prasekolah mahu berkongsi makanan dengan MBK” kekerapan sebanyak 57(95.0%). Berdasarkan dapat ini murid prasekolah menunukan sikap positif yang sangat tinggi kepada MBK berdasarkan persepsi guru dengan jumlah min tinggi dari 2.00.

Jadual 2: Analisis kekerapan jawapan persepsi guru mengenai murid prasekolah terhadap MBK.

Item		Kekerapan (N=60)			M
		1	2	3	
B1	Murid prasekolah mahu berkawan dengan murid yang mempunyai masalah pembelajaran.	0	0	60	3.00
B2	Murid prasekolah mahu bermain dengan murid yang mempunyai masalah pembelajaran.	1	0	59	2.98
B3	Murid prasekolah mahu bercakap dengan murid yang mempunyai masalah pembelajaran.	1	0	59	2.98
B4	Adakah murid prasekolah pernah memanggil murid berkeperluan khas ini sebagai orang yang ‘bodoh’, ‘lembab’ dan ‘lemah’?	59	1	0	1.01
B5	Murid prasekolah mempunyai kawan berkeperluan khas diluar kelas.	5	49	6	2.02
B6	Murid prasekolah pernah bercakap dengan murid berkeperluan khas.	0	3	57	2.95
B7	Murid prasekolah berkongsi alat tulis dengan murid berkeperluan khas.	1	0	57	2.98
B8	Murid prasekolah mempunyai kesedaran untuk alihkan kerusi jika ada murid berkeperluan khas ingin lalu di hadapan atau belakang tempat duduk mereka.	0	1	59	2.98
B9	Murid prasekolah mahu berkongsi makanan dengan murid berkeperluan khas semasa waktu rehat.	1	2	57	2.93
B10	Murid prasekolah mahu menolong murid berkeperluan khas dalam pelbagai situasi.	0	0	60	3.00
B11	Murid prasekolah meluangkan masa rehat dan lapang bersama dengan murid berkeperluan khas.	1	1	58	2.950
B12	Murid bersikap toleransi bersama dengan murid berkeperluan khas.	0	1	59	2.98
B13	Murid seronok bersama dengan murid berkeperluan khas di dalam kelas.	0	0	60	3.00
B14	Murid prasekolah memberi pengaruh positif kepada sikap murid berkeperluan khas.	0	0	60	3.00
B15	Murid prasekolah memberikan pengaruh negatif kepada sikap murid berkeperluan khas.	59	0	1	2.98
Min keseluruhan		Min=2.65	Sp=0.50	Tinggi	

5. Perbincangan

Kajian ini dijalankan untuk melihat sikap murid prasekolah terhadap MBK berdasarkan persepsi guru di Bahagian Mukah dan Bahagian Sibu, Sarawak. Kajian ini mendapati murid prasekolah menunjukkan sikap yang positif terhadap murid berkeperluan khas (MBK) apabila dalam kelas ataupun diluar kelas. Kesedaran terhadap penerimaan murid prasekolah terhadap MBK sangat penting kerana mereka merupakan rakan sebaya MBK yang pertama mereka jumpa di alam pembelajaran formal. Pada peringkat awal ini murid prasekolah perlu diberikan penerangan yang terperinci dan bersikap keterbukaan kepada murid prasekolah tipikal bagi memahami ciri-ciri yang ada pada MBK yang akan menjadi rakan sekelas mereka kelak

(Kamaliah dan Wan Aminman, 2010). Dengan adanya penerangan awal ini, murid-murid prasekolah akan lebih bersedia untuk menerima MBK kerana sudah mempunyai pengetahuan awal mengenai mereka (Kamaliah dan Wan Aminman, 2010).

Sikap yang positif yang ditunjukkan oleh murid prasekolah terhadap MBK ini perlu diteruskan dengan guru menyediakan aktiviti rutin dan pembentukan nilai murni yang sesuai diamalkan oleh murid prasekolah dan MBK di dalam kelas (Mazlianah, 2009). Malahan, Guru perlu menjadi *role model* semasa berada dalam kelas atau luar kelas agar murid dapat memperlajari dan meniru cara yang ditunjukkan oleh guru persekitaran masyarakat sekitar terutamanya bila bersama dengan murid prasekolah dan MBK. Hal ini akan dapat membantu penerimaan murid prasekolah terhadap MBK. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap penerimaan murid prasekolah terhadap MBK sangat tinggi berdasarkan sikap mereka bila bersama dengan MBK. Apabila ada penerimaan dalam diri murid prasekolah terhadap MBK maka akan timbul rasa hormat, sikap yang baik dan penglibatan sesama mereka, akhirnya akan membawa kepada pendidikan yang memberikan pengalaman yang bermakna dan berkualiti di dalam kelas atau luar kelas ((Mallanhanse, Nur Fadzmin Alias, & Siti Salma Najwa Ahmad Bidin, 2020).

Bagi memastikan murid-murid prasekolah mendapat kesedaran awal mengenai MBK ini, pihak pentadbir sekolah dan guru memainkan peranan penting dalam menyediakan persekitaran dan kemudahan yang sesuai untuk mereka. Pihak pengurusan sekolah perlu berkerjasama dengan guru yang mengajar murid prasekolah dan MBK untuk membuat perancangan yang rapi sebelum memulakan program Kelas Inklusif (Mazlianah, 2009). Antara perancangan yang paling penting adalah pihak sekolah perlu buat adalah memberikan penerangan yang jelas kepada ibu bapa secara formal dan tidak formal mengenai pembelajaran murid prasekolah bersama dengan MBK agar mereka memahami konsep pembelajaran bersama antara murid prasekolah tipikal dengan MBK dalam aktiviti formal dan tidak formal (Kamaliah dan Wan Amiman, 2010). Hal ini dapat memberi ruang kepada guru dan pihak sekolah untuk berkerjasama dengan pihak ibu bapa dalam setiap aktiviti yang akan dilaksanakan semasa pengajaran dan pembelajaran murid.

Tambahan pula, pihak pengurusan sekolah terutamanya guru perlu prihatin dengan dan peka dengan tahap perkembangan murid prasekolah dan MBK. Hal ini akan menentukan kejayaan program yang dijalankan oleh pihak pengurusan sekolah. Guru prasekolah perdana perlu mengubahsuai amalan pengajaran dan pembelajaran yang disesuaikan dengan keupayaan dan kemahiran murid prasekolah tipikal selari dengan keupayaan MBK (Mazlianah, 2009). Keupayaan guru dalam merancang aktiviti yang lebih fleksibel dan sentiasa bersedia dengan keupayaan dan kemahiran murid yang tidak sama akan dapat membantu MBK untuk mengikut pembelajar bersama dengan murid tipikal (Noor Aini Ahmad, Zahara Aziz dan Zamri Mahamod, 2010).

Bagi membantu guru mendapat memahami MBK dengan baik dan betul selain meningkatkan kemahiran dalam pedagogi, guru juga perlu memahami jenis-jenis masalah pembelajaran yang dialami oleh MBK agar dapat merancang intervensi awal yang sesuai dengan mereka. Oleh itu, guru perlu menjalankan kolaborasi dengan agensi-agensi luar terutamanya bersama dengan pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), dan lain-lain lagi kolaborasi ini akan dapat membantu guru dari segi jenis-jenis perkhimatan yang pihak sekolah tidak dapat sediakan, perkongsian maklumat atau idea mengenai perkembangan dan keperluan murid. Guru-guru juga akan berpeluang untuk mendapat pengetahuan baru dengan mengikuti kursus-kursus mengenai kemahiran-kemahiran untuk membantu menguruskan MBK seperti kemahiran pengawalan emosi murid, terapi kepada murid dan sebagainya.

6. Kesimpulan

Berdasarkan dapatan kajian sikap murid prasekolah terhadap murid berkeperluan khas berdasarkan persepsi guru menunjukkan bahawa tahap penerimaan murid prasekolah terhadap rakan sekelas yang berkeperluan khas sangat tinggi. Hal ini memberikan implikasi yang positif terhadap perkembangan MBK bila bersama dengan murid prasekolah di dalam atau di luar kelas. Penerimaan ini adalah melalui sikap mereka apabila bersama dengan MBK akan membantu membina jati diri mereka dengan nilai-nilai yang baik. Wujudnya Program Pendidikan Inklusif dalam sistem pendidikan di negara kita Malaysia dapat memberi peluang kepada MBK untuk mendapat dan menerima pengajaran dan pembelajaran bersama dengan murid tipikal yang lain. Malahan, mereka dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran sekolah di usia yang awal terutamanya diperingkat prasekolah lagi dalam perhubungan sosial dan kemasyarakatan di sekolah dan masyarakat disekitar mereka. Oleh itu, semua pihak memainkan peranan yang penting dalam memastikan program ini berjalan dengan lancar dan berterusan agar hak MBK ini terus terjamin dan kewujudan mereka akan lebih dihargai dalam semua lapisan masyarakat supaya mereka menjadi sebahagian dan bersama-sama menggembeng tenaga dalam menjayakan hasrat negara kita untuk menjadi negara yang maju kelak.

Rujukan

- Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Malaysia)
Akta Pendidikan 1996 (Malaysia)
Catherine Mc Bride-Chang, Fanny Lam, Catherine Lam, Becky Chan, Cathy Y.C. Fong, Terry T.Y. Wong and Simpson W.L. Wong. 2011. *Early predictors to Dyslexia in Chinese children: family history of dyslexia, language delay, and cognitive profiles*. Journal of Child Psychology and Psychiatry 52: 2, pp 204-211.
Chua Yan Piaw.2006. *Kaedah penyelidikan: Kaedah Dan Statistik Penyelidikan; Buku 1*. Mc Graw Hill (Malaysia) Sdn, Bhd.
Chua Yan Piaw. 2006. *Kaedah penyelidikan: Asas Statistik Penyelidikan; Buku 2*.Mc Graw Hill (Malaysia) Sdn Bhd.
Cross, B.E., & Reitzug, U.C. (1995-96). *How to build ownership in city schools*. Educational Leadership,16-19.
Guralnick, M.J. (1994). *Mothers' perceptions of the benefits and drawbacks of early childhood mainstreaming*. Journal of Early Intervention, 11, 6-13.
Siti Huzaimah Sahari and Aiza Johari. 2012. *Improvising Reading Classes and classroom Environment for Children with Reading Difficulties and Dyslexia Symptoms*. Social and Behavioral Sciences 38: 100-107.
Sudin Mahusain. 2002. *Integrasi Sosial Kanak-kanak Bermasalah Pembelajaran dan Kanak-kanak Normal di Sekolah Kebangsaan Bandar Temerloh, Pahang*. Latihan Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
Sufean Hussin (2014). *Demokrasi Pendidikan: Dilema Sekolah Kecil dan Sekolah Berpusat*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
Sulaiman Nordin. 2001. *Sains Menurut Perspektif Islam*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi
Kamaliah Muhammad dan Wan Amiman Wan Mahmud. 2010. *Perlaksanaan Program Pendidikan Inklusif Murid Autistik di Sebuah Sekolah Rendah: Satu Kajian Kes*. The 4th International Conference on Teacher Education: Join Conference UPI & UPSI. 561-575. Bandung. Indonesia.

- Krejcie, Robert V. dan Morgan, Daryle W. 1970. *Determining Sample Size for Research Activities*. Educational And Psychological Measurement, 30,607- 610.
- Larrivee, B. & Horne, M.D. 1991. *Social Status: A Comparison of Mainstreamed Student with Peers of Different Ability Levels*. Journal of Special Education 25: 90-99. Lipton, D. (1994, Fall). The full inclusion court cases: 1989-1994. National Center of Educational Restructuring and Inclusion, 1-8.
- Mallanhanse, A.K., Nur Fadzmin Alias, & Siti Salma Najwa Ahmad Bidin. 2020. *Peer Acceptance among Learning Disabilities (LD) and Mainstream Students in Inclusive Classroom in a Primary School*. South Asian Journal of Sosial Sains and Humanities, 1(2),16-25.
- Mazlinah Abd.Mutalib. 2009. *Pelaksanaan Pendidikan Inklusif dan Transisi Kerjaya Kanak-Kanak Bermasalah Pembelajaran di Sebuah Sekolah Di Negeri Melaka*. Prosiding Persidangan Serantau Pendidikan Inklusif dan Pendidikan Kanak-kanak Berkeperluan Khas. 414-437. Bangi. Selangor.
- Mohd Najib Ghafar & Sanisah Jahaya. 2006. *Bias Pengajaran Guru Dalam Pelajaran Khas Dan Pelajaran Normal*. Paperwork Annual Conference on Teacher Education. Kota Kinabalu, 6-8 September.
- Noor Aini Ahmad, Zahara Aziz dan Zamri Mahamod. 2010. *Pendidikan Inklusif Dalam Kalangan Murid Bermasalah Pembelajaran Ringan*. Prosiding Seminar Kebangsaan Pendidikan Negara Kali Ke-4. 45-52. Bangi. Selangor
- Norhayati Che Mat. 2007. *Masalah Pembelajaran Spesifik Disleksia Dalam Kalangan Murid-Murid Pemulihan Yang Mengikuti Program Pemulihan Khas*. Kertas Projek Master Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, UniversitiPutra Malaysia, Selangor.
- Raynes, M..., M.1991. *A fresh look at categorial program for children with special need*. Phi Delta Kappan 73:326-31.
- Syed Arabi Idid. 2002. *Kaedah Penyelidikan komunikasi dan Sains Sosial*. Dewan bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur. Selangor Darul Ehsan.
- Westwood, P. 1987. *Commonsense Methods for Children with Special Need*. London: Croom Helm.
- Wood J.W. 1993. *Mainstreaming: A Practical Approach for Teacher*. New York Macmillan Pub.com.
- Van Dyke, R., Stallings, M.A., & Colley, K. (1995, February). *How to build an inclusive school community*. Phi Delta Kappan, 475-479.
- Zulkarnain Umar. 2002. *Tahap Sosialisasi Kaank-kanak Bermasalah Pembelajaran di Sebuah Sekolah Rendah Percantuman di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur*. Latihan Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia.